

Umat Kristian diajak sambut



2,000 tahun Penebusan Kristus

TAKHTA SUCI: Sri Paus Leo XIV menyeru semua umat Kristian di seluruh dunia agar bersama-sama membuat persiapan menyambut ulang tahun ke-2,000 Penebusan Kristus pada tahun 2033 sebagai satu kesaksian nyata terhadap perpaduan di tengah dunia yang sedang dilanda peperangan, perpecahan dan polarisasi.

Seruan itu disampaikan ketika beliau menerima delegasi daripada Patriarkat Ekumenikal Konstantinopel yang berada di Rom sempena Perayaan Santo Petrus dan Santo Paulus, penangung Gereja Rom.

Dalam ucapannya, Bapa Suci menegaskan bahawa pada saat dunia semakin terpecah-belah akibat konflik dan ketidakpercayaan, semua pengikut Kristus dipanggil untuk memberikan kesaksian yang meyakinkan tentang Injil melalui semangat persaudaraan

dan kesatuan.

"Pada zaman yang ditandai peperangan, keganasan dan polarisasi ini, semua umat Kristian dipanggil untuk menjadi saksi yang boleh dipercayai tentang kasih Tuhan dan harapan yang dibawa oleh Injil," katanya.

Sri Paus Leo turut menyatakan harapannya agar Gereja-gereja Kristian dapat bekerjasama dalam merancang sambutan tahun 2033, yang memperingati dua milenium misteri Penebusan melalui sengsara, wafat dan kebangkitan Yesus Kristus.

Beliau menjelaskan bahawa ulang tahun tersebut bukan sekadar memperingati satu peristiwa sejarah, tetapi menjadi peluang rohani untuk memperbaharui komitmen bersama terhadap kesatuan yang dikehendaki Kristus sendiri bagi para pengikut-Nya.

Mengimbas hubungan antara Gereja Katolik dan Gereja Ortodoks, Sri Paus Leo mengakui bahawa perjalanan menuju persekutuan penuh masih memerlukan kesabaran dan ketekunan.

Namun, beliau yakin dialog yang berteru-

san serta saling menghormati akan terus membuka jalan ke arah persefahaman yang lebih mendalam.

Beliau turut mengenang usaha berani yang dimulakan oleh Sri Paus Paulus VI dan Patriark Athenagoras pada tahun 1960-an, yang menghidupkan kembali dialog antara kedua-dua Gereja selepas berabad-abad mengalami perpecahan.

Menurut beliau, para pemimpin Gereja yang menyusul terus memperkukuh hubungan persaudaraan yang semakin erat. Sri Paus Leo juga merakamkan penghargaan kepada Patriark Ekumenikal Bartholomew atas komitmennya dalam memperkukuh hubungan antara kedua-dua Gereja.

Prelatus itu menyifatkan Patriark Bartholomew sebagai seorang pemimpin yang sentiasa mengutamakan dialog, saling menghormati dan persaudaraan, sekali gus membantu memupuk kepercayaan serta mempererat hubungan yang telah dibina oleh para pendahulu kedua-dua Gereja sejak beberapa dekad lalu.

Menurut Sri Paus Leo, usaha sedemikian menjadi asas penting dalam perjalanan bersama menuju kesatuan yang lebih mendalam.

Bapa Suci juga mengenang kehadiran Patriark Bartholomew pada upacara pengebumian mendiang Sri Paus Fransiskus serta pada Misa pelantikan pontifikat beliau sebagai tanda persaudaraan yang tulus.

Mengakhiri ucapannya, Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa usaha mencapai kesatuan bukan sekadar hasil rundingan manusia, tetapi merupakan anugerah Roh Kudus yang perlu sentiasa dipohon melalui doa, pertobatan dan kesediaan untuk berjalan bersama.

Uskup Roma itu berharap sambutan ulang tahun Penebusan Kristus pada tahun 2033 akan menjadi detik penting yang mengukuhkan lagi hubungan antara semua pengikut Kristus serta memperlihatkan kepada dunia bahawa perpaduan Kristian merupakan sumber harapan dan damai bagi seluruh umat manusia. **Media Vatikan**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu, ditarik ke dalam kehidupan persekutuan Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026. Ajarlah kami untuk mendengar dengan mendalam, untuk menilai dengan setia, dan untuk dipercayai ke mana Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami, agar mereka menjadi tempat cinta, iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami, agar kami dapat berkembang dalam persekutuan, penyertaan, dan saksi yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi dengan rasa hormat, tanggungjawab, dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam komuniti, agar kami dapat mencari keadilan, mempromosikan keamanan, dan berdiri dalam solidariti dengan yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika arah tuju pastoral lahir daripada pertimbangan kami, semoga ia memperkaya dan menguatkan komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja, yang merenungkan Firman-Mu dan berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam Kristus, penuh perhatian terhadap satu sama lain, dan terbuka kepada karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu kami hidup dengan lebih setia sebagai satu Gereja Katolik Malaysia, melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Jalan menuju kehidupan sejati

Dalam satu perbualan, seorang imam yang saya kenali berkongsi pengalaman yang dialaminya.

Dalam sesi pembukaan, seorang penceramah memulakan perkongsian dengan satu kenyataan yang mengejutkan: “Kita sering menganggap bahawa kebanyakan manusia akan masuk ke neraka.”

Bagi menyokong pandangan itu, beliau memetik kata-kata Yesus: “*Masuklah melalui pintu yang sempit. Kerana lebarlah pintu dan luaslah jalan yang menuju kepada kebinaasaan, dan ramai orang yang melaluinya. Tetapi sempitlah pintu dan sukarlah jalan yang menuju kepada kehidupan, dan hanya sedikit orang yang menemuinya.*” (Matius 7:13-14).

Sekilas pandang, petikan ini seakan-akan menggambarkan bahawa kebanyakan manusia memilih jalan yang membawa kepada kebinaasaan, sedangkan hanya segelintir yang menemui jalan menuju keselamatan.

Benarkah demikian? Adakah Yesus sedang mengajar bahawa majoriti manusia akan masuk ke neraka?

Jawapannya tidak semudah itu.

Untuk memahami kata-kata Yesus ini, kita perlu melihatnya dalam konteks yang lebih mendalam.

Apabila Yesus berkata, “*sempitlah pintu dan sukarlah jalan yang menuju kepada kehidupan, dan hanya sedikit orang yang menemuinya,*” fokus-Nya bukan semata-mata tentang syurga atau neraka selepas kematian.

Sebaliknya, Yesus sedang berbicara tentang bagaimana seseorang mengalami kehidupan yang sejati semasa hidup di dunia ini.

Kita semua boleh mengaitkan pengalaman itu dengan kehidupan sendiri. Cuba tanyakan kepada diri sendiri: berapa kerap kita benar-benar mengalami ketenangan jiwa

yang mendalam?

Saat-saat di mana kita bebas daripada kemurungan, penyesalan, keresahan yang tidak berasas, iri hati, kekecewaan atau rasa hidup ini masih belum lengkap?

Berapa kali kita benar-benar merasakan bahawa kita telah menemui makna hidup yang terdalam, seolah-olah tiada lagi yang perlu dikejar kerana jiwa kita telah dipenuhi?

Sesekali kita mungkin mengalami detik-detik seperti itu. Namun kebanyakan masa, kita masih bergelut mencarinya.

Perkara yang sama dapat kita lihat dalam kehidupan orang lain. Tanpa menghakimi sesiapa, pernahkah kita memandang seseorang lalu berkata dalam hati, “Dia benar-benar telah menemui makna hidup.”

Atau, “Inilah kehidupan yang sungguh penuh dan bermakna.” Hakikatnya, tidak ramai orang yang boleh kita katakan sedemikian.

Jadi, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan “pintu yang sempit”, dan mengapa ia begitu sukar dilalui?

Jawapannya terdapat dalam khutbah Yesus di atas bukit (Matius 5-7). Di situlah Yesus menunjukkan jalan menuju kehidupan yang benar-benar penuh.

Menurut-Nya, kebahagiaan sejati lahir apabila seseorang hidup dengan semangat Sabda Bahagia: miskin di hadapan Tuhan, peka terhadap penderitaan dunia dan kelemahan diri sendiri, rendah hati, lapar dan dahaga akan kebenaran, murah hati, suci hati, membawa damai, sanggup menderita demi kebenaran, dan terutama sekali mengasihi mereka yang memusuhi kita.

Inilah pintu yang sempit. Mengapa ia sukar dilalui? Kerana hampir segala-galanya dalam dunia hari ini mengajak kita memilih jalan yang bertentangan.

Dunia mengajar bahawa kekayaan ialah ukuran kejayaan, kelembutan dianggap kelemahan, belas kasihan dilihat sebagai sesuatu

yang merugikan, malah membenci orang yang membenci kita sering dianggap sesuatu yang wajar. Naluri semula jadi kita juga cenderung ke arah itu.

Dunia menawarkan jalan yang luas — jalan yang membenarkan kita membalas kejahatan dengan kejahatan, menyimpan dendam terhadap orang yang menyakiti kita, malah menganggap hukuman paling keras sebagai penyelesaian terbaik.

Sebaliknya, Yesus menawarkan jalan yang jauh lebih sukar.

Di penghujung Khutbah di Bukit, Yesus mengajak para pengikut-Nya untuk memiliki belas kasihan seperti Bapa di syurga.

Belas kasihan Tuhan tidak membezakan sesiapa. Kasih-Nya dicurahkan kepada orang baik mahupun orang berdosa, seperti matahari yang menyinari ladang tanpa memilih antara tanaman yang berguna atau rumpai liar.

Demikian juga kita dipanggil untuk mengasihi tanpa syarat.

Yesus menegaskan bahawa kekudusan murid-murid-Nya mesti melampaui kecenderungan semula jadi manusia. Secara naluri kita mengasihi orang yang mengasihi kita, membenci orang yang membenci kita, membalas kutukan dengan kutukan, dan sukar memaafkan mereka yang menyakiti orang yang kita kasihi.

Namun, kehidupan yang sejati hanya dapat dicapai melalui hati yang penuh belas kasihan.

Kita melaluinya apabila kita mengasihi mereka yang memusuhi kita, memberkati mereka yang mengutuk kita, dan mengampuni mereka yang telah melakukan kesalahan besar terhadap kita.

Tidak hairanlah jalan itu begitu sempit. Banyak perkara dalam diri kita, dan juga dalam budaya dunia hari ini, menolak cara hidup sedemikian.



Oleh itu, apabila Yesus berkata, “*sempitlah pintu dan sukarlah jalan yang menuju kepada kehidupan, dan hanya sedikit orang yang menemuinya,*” Dia bukan sedang mengisytiharkan bahawa kebanyakan manusia akan masuk ke neraka manakala hanya segelintir akan ke syurga.

Sebaliknya, Yesus sedang mengajar bahawa kebahagiaan yang sejati, kehidupan yang penuh dan damai yang paling mendalam, hanya dapat dialami apabila kita menghidupi ajaran-Nya dalam Khutbah di Bukit — terutama sekali apabila kita belajar mengasihi mereka yang memusuhi kita, memberkati mereka yang mengutuk kita, dan mengampuni mereka yang menyakiti kita.

Itulah pintu yang sempit — pintu yang sentiasa menguji kesediaan kita untuk mengikut jejak Kristus. **Fr Ron Rolheiser @ Hakcipta Terpelihara 1999-2026**

Adakah hati kita tanah yang subur?

Setiap kali seorang petani menabur benih, dia tidak pernah dapat menjamin bahawa semua benih akan bertumbuh. Ada yang jatuh di atas jalan, dipatuk burung, ada yang layu kerana tanahnya cetek, dan ada pula yang dihipit semak hingga tidak berbuah.

Namun begitu, petani tetap menabur dengan penuh harapan kerana dia percaya bahawa sebahagian benih akhirnya akan jatuh di tanah yang subur dan menghasilkan tuaian yang melimpah.

Begitulah juga cara Tuhan bekerja dalam hidup kita. Dia tidak pernah berhenti menaburkan firman-Nya, walaupun mengetahui bahawa hati manusia tidak sentiasa bersedia menerimanya.

Dalam bacaan pertama (Yesaya 55:10-11), Nabi Yesaya mengingatkan bahawa firman Tuhan tidak pernah kembali kepada-Nya dengan sia-sia.

Seperti hujan dan salji yang menyuburkan bumi sebelum kembali ke langit, demikian juga sabda Tuhan sentiasa menghasilkan buah menurut kehendak-Nya.

Kadang-kadang kita berasa usaha me-wartakan Injil, mendidik anak-anak dalam iman atau menasihati orang yang kita kasihi seolah-olah tidak membawa hasil. Namun Tuhan mengingatkan bahawa firman-Nya terus bekerja, walaupun kita belum melihat hasilnya.

Dalam surat kepada jemaat di Roma pula (Roma 8:18-23), Santo Paulus mengajak kita memandang melampaui penderitaan masa kini.

Seluruh ciptaan sedang menantikan pembebasan dan pembaharuan yang dijanjikan



oleh Tuhan. Sebagai orang beriman, kita juga hidup dalam pengharapan. Kesukaran, kegagalan dan penderitaan bukanlah penamat, tetapi sebahagian daripada perjalanan menuju kemuliaan yang telah disediakan oleh Tuhan.

Dalam saat-saat seperti inilah iman kita diuji. Ada kalanya kita berasa seolah-olah doa tidak didengari, usaha tidak membuahkan hasil dan harapan semakin pudar.

Namun, Santo Paulus mengingatkan bahawa penderitaan masa kini tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita.

Harapan Kristian bukanlah harapan yang kosong atau sekadar bersikap positif, tetapi keyakinan bahawa Tuhan sentiasa berkarya, bahkan melalui saat-saat yang paling sukar

sekali.

Dia mampu mengubah air mata menjadi sukacita, kegagalan menjadi peluang untuk bertumbuh, dan salib menjadi jalan menuju kebangkitan.

Oleh itu, kita dipanggil untuk terus setia, percaya dan bertekun, kerana Tuhan tidak pernah meninggalkan mereka yang meletakkan harapan kepada-Nya.

Melalui perumpamaan penabur benih dalam Injil hari ini, Yesus mengajukan satu persoalan yang sangat peribadi: Apakah keadaan hati kita ketika menerima sabda Tuhan? Yesus tidak mempersoalkan mutu benih kerana benih itu sentiasa baik.

Sebaliknya, yang menjadi persoalan ialah keadaan tanah, iaitu hati manusia. Ada hati yang keras sehingga firman Tuhan tidak sempat berakar.

Ada yang menerimanya dengan gembira tetapi mudah goyah apabila berdepan cabaran. Ada pula yang membiarkan kebimbangan, kekayaan dan godaan dunia menghimpit iman sehingga tidak menghasilkan buah.

Tetapi ada juga hati yang terbuka, mendengar, memahami dan menghidupi firman itu sehingga menghasilkan buah berlipat ganda.

Renungan ini mengajak kita bukan sekadar bertanya sama ada kita mendengar sabda Tuhan setiap minggu, tetapi sama ada sabda itu benar-benar mengubah cara kita berfikir, bercakap dan bertindak.

Firman Tuhan tidak boleh sekadar berhenti di telinga. Ia perlu meresap ke dalam hati, membentuk peribadi kita dan akhirnya

**HARI MINGGU BIASA KE-15
TAHUN A**

**YESAYA 55: 10-11 ;
2 ROM 8: 18-23;**

INJIL MATIUS 13: 1-23 (ATAU 13: 1-9)

terpancar melalui kasih, pengampunan, kerendahan hati dan pelayanan kepada sesama.

Apabila firman itu benar-benar berakar dalam diri, ia akan mengubah cara kita melayani keluarga, berinteraksi dengan rakan sekerja, melayan mereka yang menyakiti kita dan menggunakan setiap anugerah yang telah Tuhan percayakan kepada kita.

Perubahan itu mungkin berlaku secara perlahan, namun kesannya nyata. Hati menjadi lebih lembut untuk mengampuni, lebih sabar ketika berhadapan dengan kesukaran, lebih rendah hati dalam kejayaan dan lebih murah hati terhadap mereka yang memerlukan.

Buah-buah inilah yang dimaksudkan oleh Yesus apabila benih yang jatuh di tanah yang subur menghasilkan tuaian yang berlipat ganda.

Oleh itu, setiap kali kita mendengar Sabda Tuhan dalam Misa Kudus atau membacanya secara peribadi, marilah kita bertanya kepada diri sendiri: adakah firman itu sekadar didengar, atau benar-benar sedang mengubah hidup kita menjadi semakin serupa dengan Kristus?

Tuhan sentiasa menaburkan firman-Nya dengan murah hati. Persoalannya ialah sama ada hati kita bersedia menjadi tanah yang subur untuk menerima, menghayati dan menghasilkan buah yang kekal.

Fr Stefanus Simon, Lantera Iman

Menyantuni Orang Asli dalam semangat Hati Kudus Yesus

TEMOH, Perak: Dalam semangat Perayaan Hati Kudus Yesus, sekumpulan umat Katolik dari Kuala Lumpur melaksanakan misi pastoral di Perkampungan Orang Asli Batu Empoh, Temoh, bagi menyantuni komuniti setempat melalui pelbagai aktiviti pembinaan iman dan kebersamaan.

Program pada Jun 13 itu menghimpunkan kira-kira 50 umat Katolik Orang Asli di kapel kampung berkenaan.

Rombongan disambut oleh Mujor, pemimpin awam Katolik yang giat membimbing dan memperkukuh kehidupan iman komuniti setempat.

Pada sebelah pagi sebelum program bermula, rombongan dari Kuala Lumpur terlebih dahulu menghadiri Misa di Gereja St Mary yang dipimpin oleh Fr James Pitchay.

Dalam homilinya, Fr James menggalakkan mereka untuk terus menghidupi misi Gereja dengan mendampingi golongan mis-

kin, terpinggir dan mereka yang sering dilupakan.

Semasa di perkampungan Orang Asli, program dimulakan pada sebelah petang dengan ibadat doa dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Ketika gambar Hati Kudus Yesus dipamerkan, para peserta diajak merenungkan makna di sebalik setiap lambang pada imej tersebut, termasuk nyala api, mahkota duri, salib dan luka pada lambung Yesus yang mengalirkan darah.

Semua simbol itu mengungkap kasih Kristus yang tidak terbatas serta pengorbanan-Nya demi keselamatan umat manusia.

Renungan tersebut mengajak seluruh komuniti membuka hati kepada Yesus, yang Hati-Nya ditikam kerana dosa manusia namun tetap menyala dengan belas kasihan.

Daripada Hati Kudus-Nya mengalir penyembuhan, harapan dan kekuatan kepada setiap orang yang datang kepada-Nya.

Para peserta turut digalakkan



untuk terus memupuk devosi kepada Hati Kudus Yesus serta menemukan penghiburan dalam kasih Tuhan yang tidak pernah meninggalkan umat-Nya.

Sebagai kenangan kepada sambutan itu, sekeping gambar suci Hati Kudus Yesus disampaikan kepada Mujor untuk ditempatkan di kapel kampung. Komuniti juga digalakkan memanfaatkan kapel tersebut sebagai tempat berdoa, berdiam

diri di hadirat Tuhan dan memperdalamkan hubungan dengan-Nya.

Selepas ibadat, para peserta menikmati jamuan ringan sambil berkenalan dan mengeratkan persaudaraan.

Kanak-kanak pula menyertai pelbagai aktiviti seperti meniup belon, menendang bola, mewarna dan seni pasir sebelum menerima hadiah kecil serta pek cenderamata daripada rombongan. Program

outreach ini menjadi peringatan bahawa Gereja dipanggil untuk terus berjalan bersama serta saling menyokong dalam kehidupan beriman.

Selain itu, sumbangan pakaian turut diagihkan kepada keluarga-keluarga di kampung sebagai tanda keprihatinan terhadap keperluan mereka.



Kasih Agape jadi teras Pesta KAGAPE 2026

RAWANG: Komuniti Umat Berbahasa Malaysia (KUBM) Gereja St Jude, Rawang, menzahirkan rasa syukur kepada Tuhan atas kejayaan penganjuran Pesta KAGAPE 2026 yang berlangsung dengan meriah pada Jun 28 lalu. Persiapan bagi menjayakan pesta ini mengambil masa hampir sebulan dengan kerjasama pelbagai pihak, termasuk ahli KUBM, *Altar Ladies*, koir, biro liturgi dan komuniti lain di Gereja St Jude.

Latihan koir serta persembahan kebudayaan dijalankan secara intensif bagi memastikan kelancaran program.

Pelbagai aktiviti disediakan sepanjang sambutan, antaranya sukaneka kanak-kanak, cabutan bertuah dengan 63 hadiah menarik serta persembahan kebudayaan daripada komuniti Sabah, Sarawak, Indonesia dan India.

Kepelbagaian persembahan ini mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan umat.

Menurut wakil KUBM, setiap penganjuran pasti disertai cabaran dan perbezaan pandangan.

Namun, semangat saling mengampuni, bertolak ansur

dan bekerjasama membolehkan semua cabaran diatasi dengan baik. KUBM merakamkan penghargaan kepada paderi paroki, Fr Simon Labrooy dan Fr Johnathan Andrew Rao atas sokongan dan dorongan yang diberikan. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Fr Vincent Thomas yang hadir memeriahkan sambutan, serta kepada semua ahli jawatankuasa, sukarelawan, penderma, peserta dan umat yang telah bersamasama menjayakan Pesta KAGAPE 2026.

KUBM St Jude secara rasmi ditubuhkan pada Julai 22, 2023 oleh bekas paderi paroki, Fr Vincent Thomas. Atas inisiatif beliau, Pesta KAGAPE pertama diadakan pada 2024, diikuti edisi kedua pada 2025. Sambutan yang memberangsangkan mendorong KUBM menjadikan pesta ini sebagai acara tahunan.

Nama KAGAPE merupakan gabungan tiga perayaan menuai utama di Borneo dan Indonesia, iaitu Kaamatan, Gawai dan Panen, di samping mengandungi makna rohani yang merujuk kepada agape iaitu kasih Tuhan yang tidak bersyarat dan penuh pengorbanan. **Dolinikah Ison**

BINGKOR: Bakat, pelayanan dan penghayatan iman melalui muzik liturgi diraikan dalam Pertandingan Koir Suara Emas Peringkat Paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) yang berlangsung pada Jun 12 lalu di Dewan Terbuka Bonda Maria dari Lourdes, Gereja St Mary, Bingkor.

Sebanyak lapan kontinjen yang mewakili zon dan Komuniti Umat Kristian (KUK) di bawah naungan paroki KSFX mengambil bahagian dalam pertandingan yang mengetengahkan tema perkahwinan.

Msgr Gilbert Lasius berkata tema perkahwinan dipilih kerana Gereja masih kekurangan lagu bagi perayaan Sakramen Perkahwinan.

Beliau berharap lagu-lagu yang dipersembahkan dapat didokumentasikan sebagai khazanah muzik liturgi, sambil menegaskan bahawa pertandingan itu bukan sekadar mencari juara, tetapi juga menghargai bakat kurniaan Tuhan serta memupuk semangat kebersamaan dan penghayatan iman melalui muzik. Pertandingan Koir



Suara Emas yang turut dikenali sebagai Koir Veteran, diperkenalkan di Keuskupan Keningau pada tahun 2022 dan diadakan setiap dua tahun.

Pertandingan peringkat paroki berfungsi sebagai pertandingan untuk memilih kontinjen ke peringkat keuskupan.

Pasukan *The Vintage Voices* dari Katedral St Francis Xavier muncul sebagai johan serta memenangi

Anugerah Lirik Terbaik, sekali gus mewakili Paroki KSFX ke Pertandingan Koir Veteran Peringkat Keuskupan di Purun, Kuala Penyu pada Ogos ini.

Zon Minawo muncul sebagai naib johan, manakala Zon Kepayan meraih tempat ketiga. Pada majlis penutupan, Zon Bulu Silou turut diumumkan sebagai tuan rumah Pertandingan Koir Suara Emas Peringkat Paroki bagi tahun 2028.

Kepelbagaian budaya memperkayakan kehidupan paroki

SUNGAI PETANI: Semangat kesyukuran, perpaduan dan kepelbagaian budaya mewarnai Perayaan Kesyukuran Kaamatan, Gawai dan Panen yang dianjurkan oleh Gereja Kristus Raja, Sungai Petani, Kedah.

Sambutan itu menghimpunkan lebih 300 umat dari Sabah, Sarawak dan Indonesia, termasuk para perantau yang menetap di

sekitar Kedah.

Perayaan dimulakan dengan Misa Kudus sebagai ungkapan syukur atas berkat, rezeki dan penyertaan Tuhan dalam kehidupan umat.

Dalam ucapannya di Dewan Pastoral, paderi paroki, Fr Victor Louis, menegaskan bahawa kepelbagaian budaya yang dibawa oleh umat dari Borneo dan Indonesia merupakan satu anugerah

yang memperkayakan kehidupan paroki. Fr Victor Louis turut menerima beberapa cenderamata kebudayaan sebagai tanda penghargaan dan persaudaraan, antaranya vest tradisional dari Papar, Sabah, kain tenunan Ulos dari Indonesia dan Labung dari Sarawak.

Sementara itu, Pengerusi penganjur, Sdra Petrus Giun, merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa, sukarelawan dan umat yang menjayakan sambutan tersebut.


Beliau berharap semangat persaudaraan dan kebersamaan yang terjalin akan terus dipupuk demi memperkukuh pelayanan dan kesatuan umat di paroki. **Aveil Olga**



Sahabat kecil Yesus

Penabur keluar menabur... apa yang berlaku?

Baca Matius 13:4-8. Kemudian, lengkapkan setiap ayat dengan memilih perkataan yang betul daripada kotak perkataan di bawah.



Ayat 5:
"Sebahagian jatuh di tempat yang _____, yang tidak banyak _____.
Benih itu pun _____ tumbuh kerana tanahnya tidak _____."

Ayat 6:
Tetapi sesudah terbit, _____ benih itu dan menjadi _____ kerana tidak berakar.


Ayat 7:
Sebahagian lagi _____ di tengah semak duri, lalu semak itu _____ bersama-sama dan menghimpitnya.

Ayat 8:
Dan sebahagian lagi jatuh di tanah yang _____ lalu _____: ada yang seratus kali ganda, ada yang _____ puluh kali ganda, dan ada yang _____ puluh kali ganda.

Ayat 4:
Ketika ia _____, sebahagian benih itu jatuh di _____ jalan, lalu _____ burung dan _____.

Ayat 3:
jatuh matahari berakar berbatu-batu menabur tepi datanglah berbuah memakannya dalam tanahnya baik enam duri segera tumbuh kering tiga

Sambungkan titik-titik mengikut urutan nombor bermula dari 1 hingga selesai. Jangan lupa warnakan gambar yang tersembunyi!



Hello adik-adik,

Pernakah adik-adik menanam pokok? Ada benih yang tumbuh dengan subur, tetapi ada juga yang tidak tumbuh. Mengapa? Kerana benih memerlukan tanah yang baik, air dan cahaya matahari.

Dalam Injil hari ini, Yesus menceritakan tentang seorang penabur yang menaburkan benih. Ada benih yang jatuh di tepi jalan lalu dimakan burung.

Ada yang jatuh di tanah berbatu dan cepat layu kerana akarnya tidak dalam.

Ada pula yang jatuh di celah semak berduri sehingga tidak dapat membesar. Tetapi benih yang jatuh di tanah yang baik tumbuh dengan subur dan menghasilkan banyak buah.

Adik-adik, benih itu melambangkan Sabda Tuhan, manakala tanah pula melambangkan hati kita.

Jika kita hanya mendengar Firman Tuhan tetapi tidak melakukannya, hati kita menjadi seperti jalan, tanah berbatu atau semak berduri.

Namun, apabila kita mendengar, percaya

dan mengamalkan ajaran Yesus, hati kita menjadi seperti tanah yang baik.

Bagaimanakah kita boleh menjadi tanah yang baik? Adik-adik boleh berdoa setiap hari, dengarlah firman Tuhan semasa Misa, hormatilah ibu bapa dan guru, sayangilah rakan-rakan serta sentiasa berbuat baik kepada semua orang.

Apabila kita melakukan semua itu, Sabda Tuhan akan bertumbuh dalam hati kita dan hidup kita akan menghasilkan banyak buah yang baik!

Salam Sayang
Aunty Melly



BELIA

WYD Seoul 2027 bakal disiarkan ke seluruh dunia

SEOUL: Persiapan menuju Hari Belia Sedunia (World Youth Day, WYD) Seoul 2027 terus diperkukuh apabila Jawatankuasa Penganjur WYD Seoul 2027 memeterai kerjasama strategik dengan penyiar awam Korea Selatan, *Korea Broadcasting System* (KBS), bagi membawa liputan perhimpunan belia Katolik terbesar dunia itu kepada jutaan penonton di seluruh dunia.

Melalui memorandum persefahaman yang dimeterai pada Jun 29, KBS dilantik sebagai penyiar rasmi WYD Seoul 2027.

Penyiar itu akan mengendalikan siaran langsung acara-acara utama, menghasilkan isyarat siaran antarabangsa serta menubuhkan dan menguruskan Pusat Penyiaran Antarabangsa sepanjang berlangsungnya perhimpunan tersebut.

Keuskupan Agung Seoul dijadual men-

jadi tuan rumah WYD pada Ogos 2027. Acara yang lazimnya dipimpin oleh Bapa Suci itu dijangka menghimpunkan ratusan ribu belia Katolik dari seluruh dunia untuk berdoa, memperdalam iman dan memperbaharui komitmen mereka sebagai murid Kristus.

Pengerusi Yayasan WYD Seoul 2027, Paul Kyung-sang Lee, berkata kerjasama itu akan membolehkan semangat dan mesej WYD menjangkau lebih ramai golongan muda di seluruh dunia.

“WYD Seoul 2027 akan menjadi ruang pertemuan dan persekutuan, tempat belia dari pelbagai negara berkumpul untuk berkongsi iman dan budaya. Kami amat bersyukur dapat bekerjasama dengan KBS dalam membuat persiapan bagi perhimpunan bersejarah ini,” katanya.

Beliau berkata kepakaran serta



teknologi penyiaran KBS akan membantu menyampaikan mesej harapan, damai dan persaudaraan yang menjadi teras Hari Belia Sedunia kepada khalayak global.

Sementara itu, Presiden KBS, Jang-bum Park, menyifatkan pelantikan tersebut sebagai satu penghormatan dan amanah besar.

Beliau berkata KBS akan memanfaatkan pengalamannya, termasuk liputan lawatan Sri Paus Fransiskus ke Korea Selatan pada tahun 2014, bagi memastikan WYD Seoul 2027 dapat disiarkan dengan kualiti terbaik kepada seluruh dunia.

Selain siaran langsung, kerjasama itu turut meliputi liputan berita, kempen promosi, penerbitan kandungan serta pengedaran isyarat siaran antarabangsa. Kedua-dua pihak akan melaksanakan

persiapan secara berperingkat sehingga penganjuran WYD pada tahun 2027.

Dalam perkembangan berkaitan, Keuskupan Agung Seoul turut mengumumkan lima santo penaung WYD Seoul 2027, iaitu Sto Yohanes Paulus II, Sto Andrew Kim Taegon dan para Martir Korea, Sta Frances Xavier Cabrini, Sta Josephine Bakhita serta Sto Carlo Acutis.

Pemilihan mereka mencerminkan tema kebenaran, kasih dan damai, selain menjadi teladan iman dalam menghadapi penganiayaan, penderitaan, penghijrahan dan kesaksian hidup.

Hari Belia Sedunia diasaskan oleh Sto Yohanes Paulus II pada tahun 1985. Seoul dipilih sebagai tuan rumah edisi 2027 selepas pengumuman rasmi pada majlis penutupan Hari Belia Sedunia di Lisbon, Portugal, pada tahun 2023. **LiCAS News**



Uskup Paul Kyung-sang Lee, Pengerusi Yayasan WYD Seoul 2027, dan Presiden KBS, Jang-bum Park, menunjukkan memorandum persefahaman yang telah ditandatangani, yang melantik penyiar awam Korea Selatan itu sebagai penyiar rasmi Hari Belia Sedunia (WYD) Seoul 2027. (Gambar: Jawatankuasa Komunikasi, Keuskupan Agung Seoul)

Katholikos 2026 ajak belia menghayati tujuan pelayanan

MELAKA: Membentuk pemimpin muda yang mampu melayani dengan lebih terancang dan berkesan menjadi matlamat Katholikos 2026, program pembentukan kepimpinan anjuran Jaringan Belia Keuskupan Melaka-Johor (MJDYPN) yang menghimpunkan belia Katolik dari pelbagai paroki pada Jun 13, 20 dan 27 yang lalu.

Program ini bertujuan memperlongkapkan para belia dengan kemahiran organisasi, komunikasi dan kepimpinan agar mereka dapat melayani Gereja dengan lebih teratur, berkesan dan berlandaskan semangat pelayanan Kristiani. Peserta didedahkan kepada kemahiran merancang program secara sistematik menggunakan pelbagai kaedah pengurusan, di samping mempelajari etika komunikasi dalam pelayanan Gereja, termasuk penyediaan surat rasmi, penyampaian maklumat kepada paderi paroki serta penyelarasan program di peringkat paroki dan keuskupan.

Namun, penekanan utama program bukan sekadar meningkatkan kecekapan, tetapi membentuk pemimpin yang memahami tujuan sebenar setiap pelayanan yang



dilaksanakan.

Salah satu detik paling bermakna berlaku apabila sekumpulan peserta berhenti ketika sesi latihan dan bertanya, “Mengapa kita melakukan semua ini?”

Soalan yang kelihatan mudah itu membuka ruang kepada renungan mendalam bahawa setiap program Gereja perlu berakar pada misi pewartaan Injil, bukannya sekadar memenuhi jadual aktiviti.

Program ini menggalakkan para peserta berfikir secara kritis, membuat penilaian dengan bijaksana dan sen-

tiasa memohon bimbingan Roh Kudus sebelum membuat sesuatu keputusan. Bagi penulis, pengalaman mengiringi para peserta sepanjang program menjadi peringatan bahawa profesionalisme dalam pelayanan bermula dengan kejujuran terhadap tujuan, motivasi dan keterbatasan diri.

Sesuatu pelayanan mungkin kelihatan tersusun dan berjaya pada zahirnya, namun tanpa kasih sebagai asas, ia kehilangan makna yang sebenar. Pelayanan sejati lahir daripada hati yang menyedari panggilan Tuhan dan melayani dengan kasih, bukan kerana

tekanan atau sekadar memenuhi kewajiban. Katholikos 2026 turut memperkukuh jaringan persaudaraan antara belia dari pelbagai paroki serta menanam keyakinan bahawa mereka tidak melayani secara bersendirian.

Harapannya, benih pembentukan yang disemai hari ini akan melahirkan generasi pemimpin Gereja yang sentiasa bertanya bukan sahaja apa yang perlu dilakukan, tetapi juga mengapa ia dilakukan, agar setiap pelayanan benar-benar membawa umat semakin dekat kepada Kristus. **Patrick Wong (Terjemahan)**

Berita singkat antarabangsa

Peperangan memusnahkan masa kini

KOTA VATICAN: Sri Paus Leo XIV menggesa masyarakat antarabangsa agar tidak membiarkan peperangan terus meragut kehidupan dan memaksa umat Kristian meninggalkan tanah air mereka, khususnya di Timur Tengah.

Ketika berucap kepada anggota *Reunion of Aid Agencies for the Oriental Churches* (ROACO), beliau menegaskan bahawa Gereja dipanggil untuk membina masa depan melalui harapan, dialog dan pelayanan, sedangkan peperangan hanya membawa kemusnahan serta penderitaan.

Bapa Suci turut mengiktiraf kekayaan tradisi rohani Gereja-gereja Timur, sambil menegaskan bahawa seluruh Gereja akan menjadi lebih miskin sekiranya

warisan liturgi, kerohanian dan kesaksian iman mereka diabaikan.

Beliau menyeru agar komuniti Kristian di rantau bergolak terus disokong supaya dapat terus menetap di tanah asal mereka dengan aman dan bermaruah.

Mengakhiri ucapannya, Sri Paus Leo mengucapkan terima kasih kepada semua agensi yang setia membantu Gereja-gereja Timur melalui bantuan kemanusiaan, pendidikan dan pembentukan imam serta religius.

Beliau mengingatkan bahawa setiap usaha membela mereka yang menderita merupakan tanda nyata harapan Kristus yang terus menyinari dunia di tengah konflik dan ketidakstabilan. **Media Vatikan**

Kelemahan manusia tidak halang karya Tuhan

KOTA VATICAN: Sri Paus Leo XIV mengajak umat Katolik meneladani Santo Petrus dan Santo Paulus sebagai rasul yang membuktikan bahawa Tuhan mampu berkarya melalui kelemahan manusia untuk membina Gereja yang bersatu dan setia kepada Injil.

Seruan itu disampaikan ketika beliau memimpin Misa Hari Raya Santo Petrus dan Santo Paulus di Basilika Santo Petrus pada Jun 29 lalu. Dalam homilinya, Bapa Suci berkata kedua-dua rasul itu mempunyai latar belakang dan keperibadian yang berbeza.

Petrus pernah menyangkal Yesus, manakala Paulus pernah menganiaya umat Kristian.

Namun, setelah mengalami belas kasihan Tuhan, mereka berubah menjadi saksi iman yang berani sehingga sanggup mengorbankan nyawa demi Kristus. Perjalanan hidup mereka menun-

jukkan bahawa kekudusan lahir daripada rahmat Tuhan, bukannya kesempurnaan manusia.

Sri Paus Leo menegaskan bahawa Gereja hari ini turut dipanggil menjadi pembina perpaduan dan “pelayan kebenaran dalam kasih”.

Menurut beliau, kesatuan tidak bermaksud semua orang menjadi seragam, tetapi lahir daripada kesediaan menerima kepelbagaian karunia sambil tetap berpegang teguh pada Kristus sebagai asas kehidupan Gereja.

Dalam Misa tersebut, Sri Paus turut memberkati dan mengenakan *pallium* kepada para Uskup Agung Metropolitan yang baharu dilantik. Beliau menggesa mereka meneladani Kristus sebagai Gembala Baik dengan melayani umat dengan rendah hati, penuh kasih dan setia, sambil mengingatkan bahawa kepimpinan dalam Gereja berasaskan pelayanan, bukannya kuasa. **Media Vatikan**

Sri Paus Leo XIV rayu kumpulan tradisional kekalkan kesatuan Gereja

KOTA VATICAN: Sri Paus Leo XIV menggesa Persaudaraan Imam Santo Pius X (SSPX) supaya membatalkan rancangan menahbiskan uskup tanpa mandat.

Sri Paus menegaskan bahawa tindakan itu akan mencetuskan perpecahan baharu dalam Gereja Katolik.

Rayuan tersebut disampaikan menerusi sepucuk surat kepada Pemimpin Agung SSPX, Fr Davide Pagliarani, bertarikh Jun 29, Hari Raya Santo Petrus dan Santo Paulus, dua hari sebelum upacara pentahbisan yang dirancang berlangsung.

Dalam surat itu, Bapa Suci menulis bahawa beliau berbicara “dengan hati seorang bapa” sebagai Pengganti Rasul Petrus, demi menjaga kesatuan Gereja yang diamanahkan oleh Kristus.

Beliau menggesa semua uskup, paderi, seminarian dan umat yang berkaitan dengan SSPX supaya tidak mengambil langkah yang boleh “mengoy-

akkan jubah Kristus yang tidak berjahit,” lambang kesatuan Gereja.

Sri Paus Leo menegaskan bahawa perbezaan pandangan tidak boleh dijadikan alasan untuk memutuskan persekutuan dengan Gereja.

Sebaliknya, beliau mengajak mereka kembali menempuh jalan dialog, saling mendengar dan berdamai, sambil mengingatkan bahawa kesatuan sentiasa menjadi kehendak Kristus bagi para pengikut-Nya.

Bapa Suci turut mengakui usaha pendahulunya untuk memulihkan hubungan dengan SSPX melalui dialog dan pelbagai tanda perdamaian.

Namun, menurut beliau, pentahbisan uskup tanpa kebenaran Takhta Suci akan menjadi satu tindakan yang mencederakan persekutuan Gereja serta membawa akibat yang serius menurut undang-undang kanun. **Media Vatikan**

Jadilah saksi dan nabi perpaduan

BARCELONA: Sri Paus Leo XIV menggesa umat Kristian supaya menjadi “saksi dan nabi perpaduan” dalam dunia yang semakin dibelenggu peperangan, perpecahan dan sikap mementingkan diri.

Seruan itu disampaikan semasa beliau memimpin Doa Tengah Hari di Katedral Holy Cross dan St Eulalia, Barcelona, pada hari kedua lawatan apostolik ke Sepanyol.

Dalam renungannya, Bapa Suci menggambarkan Gereja sebagai “mempelai Kristus yang dikasihi” yang dihiasi dengan kepelbagaian budaya, karisma dan pengalaman hidup umatnya.

Menurut beliau, kepelbagaian tersebut bukanlah satu kelemahan, sebaliknya merupakan anugerah yang memperlihatkan keindahan karya Tuhan dalam Gereja.

“Kamu berada di sini kerana Tuhan sendiri menghendakinya. Dalam diri setiap seorang daripada kamu, dan dalam kehidupan bersama sebagai satu komuniti, Tuhan memperlihatkan keindahan dan kebaikan. Kamu dipanggil untuk menjadi lambang persekutuan para kudus yang hidup di Barcelona,” kata beliau.

Sri Paus Leo menegaskan bahawa perpaduan harus sentiasa diutamakan meskipun setiap orang mempunyai latar belakang, bakat dan panggilan yang berbeza. “Kita menjadi kuat kerana kita bersatu, dan kita mampu bersatu kerana kita dipimpin oleh Roh Kudus yang sama,” katanya.



Beliau turut mengingatkan bahawa dunia hari ini semakin dicemari konflik bersenjata, perpecahan sosial dan budaya individualistik yang melemahkan hubungan sesama manusia.

Dalam keadaan sedemikian, umat Kristian dipanggil untuk menjadi tanda harapan melalui kehidupan yang membina perdamaian dan persaudaraan.

“Kita mahu menjadi ‘martir’, iaitu saksi dan nabi perpaduan, penerimaan, keharmonian dan damai, walaupun terpaksa berkorban serta menyangkal kepentingan diri sendiri,” tegas beliau.

Menurut Sri Paus Leo, kesaksian iman bukan hanya melalui kata-kata, tetapi lebih penting lagi melalui cara hidup yang sanggup mengampuni, menerima perbezaan dan membina jambatan antara manusia.

Beliau mengajak seluruh komu-

niti Katolik di Barcelona agar terus memelihara semangat persekutuan dalam keluarga, paroki dan masyarakat, supaya Gereja benar-benar menjadi tanda kehadiran Kristus yang menyatukan semua orang.

Mengakhiri renungannya, Sri Paus menyerahkan seluruh Gereja di Barcelona kepada perlindungan Santa Eulalia.

Prelatus itu memohon agar Roh Kudus terus membimbing umat beriman untuk menjadi pembawa harapan serta pembina perpaduan dalam masyarakat yang semakin berpecah belah.

Beliau menegaskan bahawa hanya melalui kasih, kerendahan hati dan kesediaan berjalan bersama, Gereja mampu menjadi saksi yang meyakinkan tentang Injil di tengah dunia yang mendambakan keamanan dan harapan. **Media Vatikan**

Vietnam raikan beatifikasi anak tempatan pertama

CAN THO, Vietnam: Umat Katolik diajak meneladani iman, pengorbanan dan semangat pelayanan Beato Francisco Xavier Trương Bửu Diệp, bukan sekadar menghormatinya melalui upacara keagamaan atau amalan devosi.

Seruan itu disampaikan Uskup Can Tho, Uskup Peter Lê Tấn Lợi, ketika memimpin Misa vigili pada Julai 1, sehari sebelum Misa beatifikasi bersejarah di Pusat Ziarah Tac Say. Misa beatifikasi tersebut dipimpin oleh Kardinal Luis Antonio Tagle sebagai wakil Sri Paus Leo XIV.

Menurut Uskup Lợi, cara terbaik menghormati Beato Trương Bửu Diệp bukanlah dengan membina monumen yang megah, menyalakan lebih banyak lilin atau mem-

perbanyakkan doa semata-mata, tetapi dengan mencontohi kehidupan sucinya.

Beliau menggesa umat beriman menghayati kekudusan melalui tanggungjawab harian, mengamalkan kasih terhadap semua orang tanpa mengira latar belakang, serta melaksanakan perutusan Kristus dengan penuh kesetiaan.

Prelatus itu menyifatkan beatifikasi itu sebagai detik bersejarah yang bukan sahaja membanggakan Keuskupan Can Tho, malah seluruh Gereja Katolik di Vietnam.

Buat pertama kalinya, upacara beatifikasi seorang anak tempatan diraikan di bumi Vietnam sendiri, sekali gus menjadi tanda rahmat Tuhan kepada Gereja tempatan.

Uskup Lợi turut mengimbas bahawa 117 martir Vietnam telah dibeatifikasi dalam beberapa upacara bermula pada tahun 1900 sebelum dikanonisasikan pada tahun 1988 di Rom.

Beatifikasi Beato Trương Bửu Diệp pula diraikan di Tac Say, tempat beliau pernah melayani umat dan akhirnya mengorbankan nyawanya demi iman.

Beliau mengajak seluruh umat mensyukuri anugerah tersebut serta menjadikan Beato Trương Bửu Diệp sebagai inspirasi untuk hidup dalam iman yang teguh, kasih yang tulus dan semangat melayani sesama, sebagaimana yang ditunjukkan oleh imam martir itu sepanjang pelayannya. **LiCAS News**

Kasih bererti melepaskan, berkorban dan menerima

VATIKAN: Bapa Suci Leo XIV memimpin doa Angelus tengah hari bersama para peziarah di Dataran Santo Petrus pada Ahad. Merenungkan petikan Injil hari itu (Mat 10:37-42), Sri Paus menjelaskan bahawa menjadi murid Kristus menuntut komitmen sepenuhnya dalam hubungan kasih dengan Tuhan.

Menurut beliau, kasih sejati sentiasa melibatkan tiga unsur penting, iaitu melepaskan keterikatan, berani berkorban dan mengamalkan sikap menerima sesama manusia.

Beliau menjelaskan bahawa Yesus menggunakan contoh seorang anak yang meninggalkan ibu bapanya untuk mengikuti-Nya.

Hal ini tidak bermaksud memutuskan hubungan kekeluargaan, tetapi menunjukkan bahawa setiap hubungan manusia hanya mencapai kepenuhannya apabila berakar pada kasih Kristus.



Sebagai contoh, beliau berkata, kehidupan suami isteri hanya dapat berkembang dengan baik apabila kedua-duanya meninggalkan pergantungan kepada keluarga asal untuk membina sebuah keluarga baharu yang berlandaskan kasih dan komitmen.

Begitu juga ibu bapa dipanggil membimbing anak-anak supaya mampu berdikari serta menemukan kebahagiaan hidup menurut kehendak Tuhan.

Sri Paus turut menegaskan bahawa kasih sentiasa menuntut pengorbanan.

Dalam dunia yang sering mementingkan harta benda dan kepentingan diri, kasih hanya akan menghasilkan buah apabila seseorang sanggup memberikan dirinya kepada orang lain.

Pengorbanan itu boleh berupa kesediaan meluangkan masa mendedar sahabat, berkongsi kesusahan atau mengetepikan keselesaan demi membantu mereka yang memerlukan.

Bapa Suci mengingatkan bahawa Yesus sendiri mengajar bahawa seseorang perlu “kehilangan” hidupnya untuk benar-benar menemui kehidupan yang sejati.

Dengan memikul salib dan mempersembahkan diri seperti Kristus, umat beriman akan mengalami kepenuhan hidup yang dianugerahkan Tuhan.

Sri Paus menekankan pentingnya sikap menerima dan melayani sesama manusia sebagai ungkapan nyata kasih.

Kasih bukan sekadar perasaan, tetapi diwujudkan melalui tindakan kecil setiap hari, seperti menghulurkan segelas air kepada orang yang dahaga atau membuka hati kepada mereka yang memerlukan.

Menurut beliau, apabila kita menerima orang yang datang dalam nama Kristus, kita sebenarnya menerima Kristus sendiri dan Bapa yang mengutus-Nya. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

“**T**idakkah kamu tahu bahawa tubuhmu adalah bait Roh Kudus ... Oleh itu, muliakanlah Tuhan dengan tubuhmu.” (Korintus 6:19-20).

Tubuh manusia bukan sekadar jasad fizikal, tetapi anugerah suci daripada Tuhan yang mencerminkan martabat dan panggilan manusia untuk mengasihi.


Berikut ialah 10 perkara yang perlu diketahui oleh setiap umat Katolik tentang tubuh manusia menurut Teologi Tubuh yang diperkenalkan oleh Sri Paus Yohanes Paulus II.

Tubuh manusia ialah anugerah Tuhan

Tubuh bukan sekadar “bekas” kepada roh. Tuhan mencipta tubuh manusia sebagai sesuatu yang baik dan mulia (Kejadian 1:31). Oleh itu, tubuh harus dihormati dan dipelihara.

Tubuh mempunyai makna rohani

Menurut Teologi Tubuh, tubuh



10 perkara tentang kesucian tubuh manusia

“berbicara”. Cara seseorang menggunakan tubuhnya boleh menyatakan kasih, kesetiaan, penghormatan atau sebaliknya.

Kita dicipta menurut imej dan rupa Tuhan

Lelaki dan perempuan sama-sama mencerminkan imej Tuhan. Perbezaan jantina bukan satu kebetulan tetapi sebahagian daripada rancangan ilahi.

Lelaki dan perempuan saling melengkapi

Perbezaan antara lelaki dan perempuan bertujuan mewujudkan persekutuan kasih (*communion of persons*), bukan persaingan atau dominasi.

Tubuh dipanggil untuk memberi diri dalam kasih

Kasih sejati bukan mengambil atau menggunakan orang lain, tetapi memberikan diri dengan bebas, setia dan tanpa syarat, seperti Kristus memberikan diri-Nya kepada Gereja.

Tubuh ialah bait Roh Kudus

Berdasarkan Surat Pertama kepada Jemaat di Korintus 6:19-20, tubuh kita ialah tempat kediaman Roh Kudus. Oleh itu, setiap orang dipanggil menjaga kesucian tubuh dan mengelakkan dosa yang merosakkan martabat manusia.

Seksualiti ialah anugerah, bukan sesuatu yang memalukan

Gereja mengajar bahawa seksualiti

merupakan anugerah daripada Tuhan. Ia mempunyai tujuan yang indah dalam perkahwinan, iaitu menyatukan suami isteri dan terbuka kepada kehidupan baharu.

Tubuh dipanggil kepada kebangkitan

Pada akhir zaman, bukan hanya roh yang akan bersama Tuhan, tetapi tubuh juga akan dibangkitkan dan dimuliakan. Ini menunjukkan betapa berharganya tubuh manusia dalam rancangan keselamatan.

Kesucian bukan menolak tubuh

Menjadi kudus tidak bermaksud membenci tubuh atau keinginan manusia, tetapi mengarahkan semuanya kepada kasih yang benar. Kesucian ialah kebebasan untuk mengasihi seperti Kristus.

Tubuh kita dipanggil untuk memuliakan Tuhan

Dalam segala perkara — cara berpakaian, bertutur, bekerja, melayani dan berhubungan dengan orang lain — tubuh menjadi alat untuk memuliakan Tuhan dan melayani sesama.

Teologi Tubuh mengajar bahawa tubuh manusia bukan sekadar tubuh fizikal, tetapi sebahagian daripada identiti dan panggilan kita sebagai anak-anak Tuhan. Apabila kita memahami makna tubuh menurut rancangan Tuhan, kita akan lebih menghargai maruah diri, menghormati orang lain dan menghayati kasih yang sejati sebagaimana ditunjukkan oleh Kristus. **Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Penebusan Kristus 2033

Saya tertarik dengan ajakan Sri Paus Leo XIV supaya seluruh umat Kristian, tanpa mengira denominasi, mula mempersiapkan diri untuk menyambut ulang tahun ke-2,000 Penebusan Kristus pada tahun 2033.

Seruan itu bukan sekadar mengajak kita mengadakan satu sambutan besar tujuh tahun akan datang, tetapi mengingatkan bahawa penebusan melalui sengsara, wafat dan kebangkitan Yesus merupakan pusat iman Kristian yang menyatukan semua orang percaya.

Sri Paus berharap perjalanan menuju tahun 2033 menjadi satu ziarah rohani yang dilalui bersama oleh semua umat Kristian di seluruh dunia.

Persoalannya, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan ulang tahun Penebusan Kristus? Dalam ucapannya kepada delegasi Patriarkat Ekumenikal Konstantinopel pada Jun 30, 2026, Sri Paus Leo XIV mengajak semua denominasi wKristian di seluruh dunia untuk “bersama-sama menempuh persiapan menuju sambutan ulang tahun kedua milenium Penebusan pada tahun 2033”, sambil “menemui semula anugerah dan panggilan untuk menjadi saksi kepada Kristus yang Bangkit.”

Seruan ini menunjukkan bahawa sambutan tersebut bukan sekadar memperingati satu tarikh bersejarah, tetapi merupakan satu perjalanan rohani yang mengajak seluruh umat Kristian memperbaharui iman, memperkukuh perpaduan dan memberi kesaksian kepada dunia.

Mengapa Sri Paus begitu menekankan persediaan ini? Kerana dunia hari ini sedang berhadapan dengan peperangan, perpecahan, kebencian dan polarisasi.

Dalam keadaan seperti ini, kesaksian tentang Kristus yang bangkit akan lebih meyakinkan apabila umat Kristian sendiri hidup dalam kasih dan berusaha membina perpaduan.

Sri Paus melihat tahun 2033 sebagai peluang untuk memperbaharui komitmen terhadap doa, dialog dan usaha mencapai kesatuan antara semua pengikut Kristus.

Namun, persediaan menuju 2033 bukan hanya tugas para pemimpin Gereja. Ia bermula dalam kehidupan harian setiap orang beriman. Kita boleh mempersiapkan diri dengan memperdalam hubungan peribadi dengan Kristus melalui doa, Ekaristi dan pembacaan Kitab Suci.

Tidak kira sama ada kita golongan klerus, relijius atau awam, kita dipanggil memperbaharui hidup melalui Sakramen Rekonsiliasi, mengampuni mereka yang menyakiti kita, memperkukuh kehidupan keluarga, melayani golongan miskin serta menjadi pembawa damai di tempat kerja, sekolah dan masyarakat.

Penebusan Kristus bukan sekadar dikenang sebagai satu peristiwa sejarah, tetapi harus terus dihidupi melalui kasih yang diterjemahkan dalam tindakan. Bagi saya, ajakan Sri Paus ini mengingatkan kita bahawa tahun 2033 bukan destinasi, tetapi matlamat sebuah perjalanan rohani.

Selama tujuh tahun akan datang, setiap doa yang dipanjatkan, setiap pengampunan yang diberikan, setiap perbuatan kasih dan setiap usaha membina perpaduan merupakan persiapan terbaik untuk menyambut ulang tahun Penebusan Kristus.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Artikel hendaklah dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



PETALING JAYA: Memperkukuh pewartaan iman melalui semangat sinodaliti menjadi antara fokus utama Mesyuarat Komisi Kateketikal Malaysia (*Malaysian Catechetical Commission, MCC*) yang menghimpunkan para pemimpin kateketikal dari seluruh negara di Pusat Ekumenikal CCM, Petaling Jaya, dari 22 hingga 25 Jun lalu.

Mesyuarat yang dianjurkan oleh Keuskupan Agung Kuala Lumpur itu menghimpunkan perwakilan daripada sembilan keuskupan di Malaysia, bersama para pemerhati dari Keuskupan Agung Singapura, Vikariat Apostolik Brunei serta Pejabat Kateketikal Kebangsaan (NCO).

Misa pembukaan dipimpin oleh Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow Beng Kim.

Dalam homilinya, beliau mengingatkan bahawa seperti Yohanes Pembaptis mempersiapkan hati manusia untuk menerima Kristus, demikian juga tugas utama para katekis ialah membimbing setiap orang kepada pertemuan dengan Yesus.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr Steven Selvaraju sebelum diteruskan dengan ucap-tama Presiden Episkopal MCC, Uskup Joseph Hii Teck Kwong. Beliau mengaitkan sambutan Kaamatan dan Gawai dengan Hari Pentakosta sebagai perayaan kesyukuran, komuniti dan karya Roh Kudus.



Satu dalam Kristus

Prelatus itu menegaskan bahawa katekesis bukan sekadar penyampaian pengetahuan, tetapi membawa seseorang mengalami perjumpaan peribadi dengan Kristus yang hidup.

Uskup Joseph juga mengingatkan agar penggunaan kecerdasan buatan (AI) dimanfaatkan secara bertanggungjawab sebagai alat pewartaan tanpa mengabaikan Kristus sebagai pusat segala usaha katekesis.

Sepanjang mesyuarat, para perwakilan menetapkan enam keutamaan utama, termasuk memperkukuh pembentukan katekis, meningkatkan penglibatan ibu bapa, memperluaskan katekesis digital, memperkasa program *Catechesis of the Good Shepherd*

(CGS) serta menyeragamkan sistem pelaporan. Mereka turut menegaskan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan iman anak-anak melalui program pembentukan dan aktiviti keluarga.

Selain itu, Pejabat Kateketikal Kebangsaan melaporkan kemajuan pembangunan Siri Kateketikal Malaysia (SKM) dan Siri Panduan Ibu Bapa bagi menyokong para katekis serta membantu keluarga membimbing pertumbuhan iman anak-anak.

Beberapa keuskupan turut berkongsi peningkatan jumlah calon baptis dewasa, yang dilihat sebagai petanda semakin ramai individu mencari Kristus dan kehidupan dalam Gereja.

Mesyuarat turut memilih tema Hari Kateketikal 2027, iaitu "Satu dalam Kristus" (Galatia 3:28), yang menekankan kesatuan umat beriman di tengah-tengah kepelbagaian bahasa, budaya dan komuniti di Malaysia.

Tanggungjawab menyediakan bahan sambutan akan diselenggarakan oleh Pejabat Kateketikal Kebangsaan dengan kerjasama pelbagai keuskupan.

Selain itu, para perwakilan turut memberi perhatian kepada program *Catechesis of the Good Shepherd* yang membantu kanak-kanak membina kehidupan doa dan hubungan peribadi dengan Kristus sejak usia muda.

Mesyuarat juga membincangkan penyertaan MCC dalam

Konvensyen Pastoral Malaysia di Sibul pada September ini.

Dalam ucapan penutup, Uskup Joseph Hii menggesa pembaharuan kaedah katekesis agar kanak-kanak terus bertumbuh dalam iman selepas menerima sakramen.

Beliau turut menekankan keperluan menangani kekurangan katekis, meningkatkan penglibatan ibu bapa serta menghargai panggilan sebagai katekis.

Mengakhiri mesyuarat, beliau mengingatkan bahawa sinodaliti ialah satu cara hidup yang berakar pada pembaptisan.

Mesyuarat MCC seterusnya akan berlangsung di Keuskupan Sandakan pada Jun 7 hingga 10, 2027.

Meraikan liturgi dengan martabat, membina Gereja yang bersatu

JOHOR BAHRU: Pembaharuan liturgi, pembentukan umat serta usaha memperkukuh kesatuan dalam perayaan liturgi menjadi fokus Mesyuarat Komisi Liturgi Episkopal Serantau (*Episcopal Regional Liturgy Commission, ERLC*) ke-28 yang berlangsung di Pusat MAJODI, Plentong, menghimpunkan wakil-wakil dari Malaysia, Singapura dan Brunei.

Perhimpunan dimulakan dengan Misa pembukaan yang dipimpin oleh setiausaha eksekutif ERLC, Fr Vincent Chin.

Dalam homilinya, beliau mengajak para perwakilan untuk "melangkah lebih jauh" dalam kehidupan iman dengan berani keluar daripada zon selesa demi mengejar kekudusan.

Presiden ERLC menegaskan bahawa Gereja Katolik tetap membenarkan perayaan Misa Tradisional Latin, namun menekankan bahawa liturgi dalam bentuk biasa (*Novus Ordo*) perlu dirayakan dengan penuh martabat, keindahan dan hormat.

Menurutnya, liturgi yang dirayakan dengan baik akan membantu umat mengalami pertemuan yang lebih mendalam dengan Tuhan dan terus setia dalam kehidupan Gereja.

ERLC turut membincangkan beberapa isu pastoral, termasuk



cadangan memindahkan sambutan beberapa hari raya wajib yang jatuh pada hari Sabtu atau Isnin ke hari Ahad berikutnya, sebagaimana yang diamalkan di beberapa negara.

Walau bagaimanapun, ERLC berpandangan bahawa perkara tersebut memerlukan penelitian rapi oleh Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB) sebelum sebarang keputusan dibuat.

Cadangan memperkenalkan Pesta Penciptaan turut dibincangkan.

Para ahli bersetuju bahawa sambutan tersebut tidak wajar

diadakan pada hari Ahad bagi mengelakkan kekeliruan antara penyembahan kepada Tuhan dengan penghargaan terhadap ciptaan-Nya.

Komisi itu juga menerima perkembangan terkini mengenai Projek Leksionari Bersama yang sedang diusahakan oleh persidangan para uskup di Australia, Ireland dan New Zealand.

Projek itu dijangka siap pada tahun 2028 sebelum dikemukakan kepada pihak Vatikan untuk kelulusan. ERLC mencadangkan agar CBCMSB terus memantau perkembangan tersebut sebelum mempertimbangkan pelak-

sanaannya.

Dalam sesi pembentukan, Fr Simon Ho berkongsi perkembangan terkini mengenai Ritus Inisiasi Kristian bagi Orang Dewasa dan sejarah Misa Kanak-kanak.

Para peserta turut menekankan keperluan memperkukuh pembentukan liturgi agar umat bukan sahaja memahami ajaran iman, tetapi juga menghayati makna liturgi dengan lebih mendalam.

Wakil setiap keuskupan turut berkongsi perkembangan program liturgi serta bertukar pandangan mengenai amalan

terbaik dan cabaran terjemahan teks liturgi.

ERLC turut mengesahkan peranan Jawatankuasa Muzik Liturgi ERLC dalam mempromosikan lagu-lagu liturgi tempatan walaupun semakan buku lagu *Sing Your Praise to God* telah selesai.

Bengkel dan pertandingan mengubah lagu suci dilihat sebagai antara usaha yang berjaya melahirkan bakat baharu dalam muzik liturgi.

Dalam sesi soal jawab, para perwakilan memperjelaskan beberapa amalan liturgi, termasuk penggunaan pelbagai bahasa dalam Misa.

ERLC menegaskan bahawa Misa lazimnya hendaklah dirayakan dalam satu bahasa, manakala bacaan kitab suci, doa umat dan beberapa nyanyian boleh menggunakan bahasa lain mengikut kesesuaian.

Teks doa liturgi yang telah diluluskan tidak boleh diubah, diulang dalam bahasa lain atau ditokok tambah oleh selebran.

Mesyuarat diakhiri dengan doa khas buat Fr Simon Ho yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang Liturgi Suci di Rom.

Mesyuarat ERLC yang akan datang dijadual berlangsung di Keuskupan Agung Kota Kinabalu pada Julai 14 hingga 17, 2027.